



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 3 (62)
Tarikh : 11 Oktober 2018

"*Salam Kemahiran*"

Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN PINDAAN BORANG BAGI URUSAN TUNTUTAN
BAYARAN SUSULAN SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH BAGI PUSAT LATIHAN
AWAM

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bermula 15 Oktober 2018, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah membuat penyelarasan dan penyeragaman Borang Tuntutan Bayaran Susulan di bawah Skim Pinjaman Lepas Sekolah bagi Penyedia Latihan Awam. Tujuan penyelarasan dan penyeragaman pemakaian borang ini dilakukan bagi tujuan memperkemas urusan tuntutan dan penghantaran bayaran susulan Penyedia Latihan Awam kepada PTPK. Borang yang dikemaskini boleh dimuat turun daripada laman sesawang rasmi PTPK di pautan <http://www.ptpk.gov.my>.


3. Borang tuntutan ini hendaklah dihantar kepada PTPK dalam tempoh **empat belas (14) hari dari tarikh** pelatih memulakan semester latihan/peningkatan tahap berikutnya bagi mengelakan pinjaman ini terbatal. Bagi mengelakan berlakunya kesilapan tuntutan, Penyedia Latihan hendaklah memastikan peminjam masih mengikuti latihan dan segala butiran peminjam teratur. PTPK memerlukan kerjasama dan perhatian semua Penyedia Latihan supaya pinjaman kepada peminjam dapat disalurkan.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"

Saya Yang Menjalankan Amanah


(AZRUL IZHAM BIN HAMZAH)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN SUSULAN
PENYEDIA LATIHAN AWAM
SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH**

1. MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN

- i. Nama Penyedia Latihan : _____
ii. Kod Pusat Latihan : _____

2. PROGRAM : _____

3. KOD PROGRAM : _____

4. TEMPOH LATIHAN DITUNTUT : _____ **SEHINGGA** _____

BIL	NAMA PELATIH	NO KAD PENGEVALAN PELATIH	NO FAIL	YURAN LATIHAN (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				
16				
17				
18				
19				
20				
21				
22				
23				
24				
25				
JUMLAH TUNTUTAN YURAN LATIHAN				

5. PERAKUAN PENYEDIA LATIHAN

- Saya dengan ini mengemukakan tuntutan bayaran yuran latihan berjumlah RM XX.XX (Ringgit Malaysia :) untuk XX orang pelatih yang mengikuti kursus -----.
- Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan tuntutan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).
- Maklumat di atas telah disemak dan diakui betul. Peminjam telah mengikuti program latihan di atas dan bersetuju bayaran pinjaman boleh dilepaskan iaitu Yuran dibayar kepada Penyedia Latihan dan elaun sara diri (jika ada) akan disalurkan kepada peminjam.
- Pernyataan butiran yang palsu dengan niat memperdaya atau mengelirukan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dalam membuat tuntutan adalah melakukan satu kesalahan rasuah dibawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai matan yang palsu atau silap itu jika nilai matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

.....
(Tandatangan Pengurus Penyedia Latihan)
Nama Pengurus :

Cop Rasmi Penyedia Latihan :
Tarikh :